

Penghujahan Hadis dalam Keputusan *Baḥṡh al-Masā'il* (Perbahasan Masalah Keagamaan) Nahdatul Ulama: Analisis terhadap Hadis-Hadis Bermasalah

[*Hadith Argument in the Result of Religious Problems Discussions in Nahdatul Ulama: An Analysis of the Problematic Hadiths*]

Faisal Ahmad Shah^{1*} & Badaruddin Haba²

¹ Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.

² Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.

* Corresponding Author: Faisal Ahmad Shah. Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: faisalas@um.edu.my, Phone: +603-79676155.

Keywords:

Argument; Hadith; Result; Baḥṡh al-Masā'il; Nahdatul Ulama

ABSTRACT

The NU (Nahdatul Ulama), founded in 1926, is one of the largest Islamic organizations in Indonesia that serves to resolve issues faced by Muslims especially those who are NU members through a collective ijtihad process called baḥṡh al-masā'il (Discussions of Religious Problems). The result of the baḥṡh al-masā'il that was set before 1992 refers more to the views of the schools of Islamic jurisprudence. Then in 1992, the NU decreed the need to refer to the main source of Islamic law by following the methodology of schools of thought in the istinbat of Islamic law. Since 1994, the NU has used many hadiths as an argument in its fatwa. Therefore, the authors are interested in analyzing the hadiths that were argued in the result of baḥṡh al-masā'il from the years 1994-1999 to identify the strength of the NU's argument. This study applies qualitative methods and data were analysed based on the inductive and deductive methods. Out of the forty hadiths analyzed in this study, eight were found to be problematic hadiths. One hadith is unknown, one hadith is fabricated, one hadith is very weak and five hadiths are weak.

Kata Kunci:

Hujah; Hadis; Keputusan; Baḥṡh al-Masā'il; Nahdatul Ulama

ABSTRAK

NU (Nahdatul Ulama) yang ditubuhkan pada tahun 1926 adalah salah satu organisasi Islam di Indonesia bertujuan memberi khidmat untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam khususnya warga NU melalui satu proses ijtihad *jamā'ī* yang dinamakan *baḥṡh al-masā'il*. Keputusan *baḥṡh al-masā'il* yang ditetapkan sebelum tahun 1992 lebih banyak merujuk kepada pandangan ulama mazhab. Kemudian pada tahun 1992, NU menetapkan perlunya merujuk kepada sumber utama hukum Islam dengan mengikut manhaj ulama mazhab dalam istinbat hukum. Maka sejak tahun 1994, NU telah banyak menggunakan hadis sebagai hujah dalam fatwanya. Oleh itu, penulis tertarik untuk menganalisis hadis-hadis yang dijadikan hujah dalam keputusan *baḥṡh al-masā'il* tahun 1994-1999 demi mengenal pasti kekuatan

hujahnya. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dan data-data dianalisis dengan metode induktif dan deduktif. Daripada empat puluh hadis yang dianalisis dalam kajian ini, didapati terdapat lapan hadis yang bermasalah. Satu hadis tidak diketahui sumbernya, satu hadis *mawḍūʿ*, satu hadis daif *jiddan* dan lima hadis daif.

Received: March 23, 2020

Accepted: May 16, 2020

Online Published: June 01, 2020

1. Pendahuluan

Nahdatul Ulama adalah salah satu organisasi Islam di Indonesia yang berkhidmat kepada masyarakat dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang sosial dan keagamaan. Melalui Lembaga *baḥṡ al-masāʿil*, Nahdatul Ulama telah pun memberikan komitmen bagi menyelesaikan dan menjawab permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam khususnya warga NU melalui satu proses ijtihad *jamāʿī* yang dinamakan sebagai *baḥṡ al-masāʿil* (Imam, 2002).

Dalam undang-undang dasar (*Qānūn Asāsī*) NU, ditegaskan untuk merujuk kepada al-Quran dan hadis (PBNU, 2005), dan keputusan Mukhtar NU di Lampung pada tahun 1992 telah menetapkan metode *manhajī* (PBNU, 2005) sebagai metode yang digunakan dalam istinbat hukum. Namun dalam aplikasi fatwanya, NU dilihat lebih banyak merujuk kepada pandangan ulama mazhab. Walau bagaimanapun, NU sudah mula menggunakan metode penghujahan berdasarkan hadis Nabi, tetapi masih pada tahap yang sederhana (Zahro, 2004).

Dalam kajian ini, penulis meneliti keputusan *baḥṡ al-masāʿil* atau fatwa yang telah ditetapkan pada tahun 1994 hingga 1999 sebagai sampel kajian. Daripada 45 fatwa yang diputuskan, hanya terdapat 16 fatwa sahaja yang berhujah dengan hadis iaitu sebanyak empat puluh hadis. Manakala 29 fatwa lagi hanya merujuk kepada pandangan ulama dalam karya mereka. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis metodologi NU dalam proses istinbat hukum, kaedah berhujah dengan hadis dan mengenal pasti kekuatan hujahnya dari aspek hadis yang digunakan.

2. Pengenalan NU dan *Baḥṡ al-Masāʿil*

Nahdatul Ulama secara rasminya, diasaskan pada 31 Januari 1926 di Surabaya oleh sekumpulan ulama yang dipelopori oleh KH. Hasyim Asyʿari (Abuddin, 2005; Khuluq, 2000) dan KH. Wahab Hasbullah (Efendi, 2010). Kedua-dua tokoh ulama ini memainkan peranan penting dalam pertubuhan organisasi NU. Pada tahun 1927, tujuan utama atau objektif penubuhan organisasi NU. Manakala panduan dasarnya pula iaitu berpegang kepada al-Quran, hadis, ijmak dan qias ditetapkan pada 5 September 1929 dan kemudian diperakui oleh pemerintah Hindia Belanda pada bulan Februari 1930 (Hasyim, 2002).

Baḥṡ al-masāʿil adalah salah satu forum perbincangan keagamaan dalam organisasi Nahdatul Ulama untuk menjawab dan memberikan solusi serta fatwa bagi persoalan semasa yang muncul dalam kehidupan masyarakat. Forum *baḥṡ al-masāʿil* ini telah pun wujud sebelum NU diasaskan. Pada ketika itu tradisi muzakarah telah berlaku di kalangan institusi pondok yang melibatkan para guru dan pelajar. Hasil daripada muzakarah tersebut diterbitkan dalam buletin LINO (*Laylat al-Ijtimāʿ Nahdlatul Oelama*) (PBNU, 2005).

Di antara faktor kemunculan forum *baḥṡ al-masāʿil* ini ialah keperluan masyarakat berkaitan hukum Islam praktis (*ʿamalī*) dalam kehidupan harian mereka. Perkara ini mendorong para ulama dan intelektual NU berusaha untuk mencari penyelesaiannya dengan mengadakan kegiatan *baḥṡ al-masāʿil*. Forum ini pertama kali diadakan secara rasmi setelah beberapa bulan pertubuhan organisasi NU iaitu pada 21 Oktober 1926 M di Surabaya, Jawa Timur (PBNU, 2005). Maka, ini bermakna kegiatan perbincangan masalah-masalah keagamaan ini telah berlangsung sejak awal pertubuhan organisasi NU.

Meskipun aktiviti perbincangan masalah-masalah keagamaan telah bermula sejak Mukhtar NU yang pertama, namun aktiviti tersebut masih belum diberikan nama secara khusus. Nama lembaga tersebut lahir ketika Mukhtar NU ke-28 di Yogyakarta pada tahun 1989, di mana komisi I telah mencadangkan kepada Pengurus Besar NU untuk membentuk "*Lajnat Baḥṡ al-Masāʿil al-Dīniyya*" (lembaga pengkajian masalah-masalah keagamaan) sebagai lembaga khas untuk menangani persoalan keagamaan. Lembaga ini telah dirasmikan dengan nama Lembaga *Baḥṡ al-Masāʿil* atau singkatannya LBM (Zahro, 2001).

3. Metodologi NU Dalam Istiḥbat Hukum

Pada peringkat awalnya, dalam proses menentukan hukum sesuatu permasalahan, NU tidak merujuk kepada nas di dalam al-Quran dan hadis secara langsung, sebaliknya merujuk kepada kitab-kitab fiqh yang dianggap layak sebagai rujukan daripada ulama fiqh mazhab empat. Hal ini merujuk dari fatwa pengasas NU, iaitu KH. M. Hasyim Asy'ari dalam pengantar Anggaran Dasar NU tahun 1974 (Hasyim Asy'ari, 1969). Fatwa yang diputuskan oleh NU melalui LBM kebanyakannya merujuk pada fiqh mazhab empat (Zahro, 2004). Dalam tradisi pengambilan hukum Islam, NU menekankan pentingnya taklid bagi seseorang yang tidak memiliki kemampuan sebagai mujtahid. Dalam proses pengambilan hukum Islam, LBM tidak menggunakan kaedah ijtihad kerana bagi mereka kaedah tersebut hanya layak disandarkan kepada ulama terdahulu yang telah mencapai darjat mujtahid. Oleh itu, LBM hanya menggunakan kaedah istiḥbat dengan pendekatan mazhab (Husein, 2002). Dalam mengaplikasikan pendekatan bermazhab, LBM menggunakan tiga kaedah istiḥbat hukum secara berperingkat, iaitu;

3.1 Metode *Qawlī*

Metode *qawlī* ini adalah kaedah istiḥbat hukum yang digunakan oleh ulama atau para tokoh intelektual NU dengan meneliti masalah yang sedang dihadapi, kemudian mencari jawapannya dalam kitab fiqh mazhab empat, dengan merujuk secara langsung kepada isi teksnya. Metode ini mula diterapkan sejak kali pertama aktiviti *baḥth al-masā'il* iaitu pada tahun 1926, dan ia dinyatakan secara rasmi dalam Musyawarah Nasional (MUNAS) Alim Ulama di Bandar Lampung (21-25 Jun 1992). Metode ini merupakan kaedah yang paling banyak digunakan oleh LBM (Zahro, 2004).

3.2 Metode *Ilḥāqī*

Metode ini digunakan apabila metode *qawlī* tidak dapat diterapkan, di mana jika jawapan daripada persoalan yang muncul tidak terdapat dalam kitab-kitab *mu'tabar*, maka metode *ilḥāqī* diaplikasikan dengan cara mencari persamaan masalah yang sedang dihadapi dengan permasalahan yang sudah ada dalam kitab-kitab *mu'tabar*. Proses metode *ilḥāqī* ini memperhatikan syarat-syarat berikut; *mulḥaq bih* (sesuatu yang belum ada kepastian hukumnya), *mulḥaq alayh* (sesuatu yang sudah ada kepastian hukumnya) *wajh al-ilḥāq* (faktor keserupaan antara *mulḥaq bih* dengan *mulḥaq alayh*) dan *mulḥiq* (pelaku *ilḥāq*) yang pakar. Berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan, metode *ilḥāqī* yang digunakan oleh LBM ini adalah serupa dengan metode *qiyās* dalam istiḥbat hukum Islam. Akan tetapi, metode *qiyās* menyamakan hukum suatu masalah yang belum ada kepastian status hukumnya dengan sebuah masalah hukum yang sudah ada status hukumnya dalam al-Quran dan hadis (Zahro, 2004).

3.3 Metode *Manhajī*

Metode *manhajī* pula adalah kaedah yang digunakan untuk menentukan masalah keagamaan dengan mengikuti manhaj dan kaedah penetapan hukum yang telah disusun oleh para imam mazhab iaitu berhujah secara langsung kepada al-Quran, hadis Nabi dan kaedah-kaedah fiqh. Metode ini diaplikasikan ketika permasalahan yang dikaji dalam forum *baḥth al-masā'il* yang tidak menemui jawapannya daripada kitab yang dirujuk. Metode ini secara praktikalnya sama dengan kedua metode sebelumnya dan ia telah diterapkan oleh ulama terdahulu tanpa disebut sebagai metode *manhajī*. Metode ini kemudiannya dirasmikan dalam sebuah keputusan rasmi pada Munas Alim Ulama di Bandar Lampung (PBNU, 2005).

Pada Mukhtar NU yang ke-33 yang diadakan pada 1-5 Ogos 2015 di Jombang, Jawa Timur, metode *manhajī* ini dikembangkan menjadi beberapa metode kerana kemunculan pelbagai kes atau masalah yang mungkin tidak dapat dijumpai jawapannya melalui teks kitab, sama ada dalam bentuk *qawl* atau *wajh*, begitu juga sama ada menggunakan metode *qawlī* atau *ilḥāqī*. Maka NU memecahkan masalah-masalah baru ini dengan mengembangkan metode istiḥbat hukum yang sederhana iaitu metode *bayānī*, metode *qiyāsī*, dan metode *iṣṭilāhī* atau *maqāṣidī* (PBNU, 2016).

Tiga metode istiḥbat yang terakhir iaitu metode *bayānī*, *qiyāsī* dan *iṣṭilāhī* yang baru dirasmikan itu pada hakikatnya adalah merupakan pecahan daripada metode *manhajī*. Metode ini belum banyak diaplikasikan dalam proses istiḥbat hukum fatwa NU. Walaupun terdapat beberapa fatwa yang mengaplikasikan metode *manhajī* ini, tetapi kebanyakannya masih terikat dengan metode *qawlī*. Perasmian tiga metode terakhir ini telah memberikan angin segar terhadap kemajuan proses istiḥbat hukum dalam organisasi NU di mana ia membuka

peluang bagi generasi ulama NU untuk meneroka lebih luas lagi terhadap nas-nas *shar'ī* yang sebelumnya terkongkong dengan teks-teks kitab fiqh yang terbatas.

4. Metodologi NU Dalam Penghujahan Hadis

Timbulnya kesedaran bahawa pentingnya berijtihad dalam menjawab permasalahan umat adalah ketika Musyawarah Nasional NU (MUNAS) yang diadakan di Bandar Lampung pada tahun 1992 (PBNU, 2004). Ini merupakan titik permulaan mereka dalam merempuh pemahaman yang statik dan tetap dalam hukum Islam. Walaupun kesedaran untuk berijtihad telah ada, ia tidak bermaksud semua orang boleh dan bebas untuk berijtihad. Ini kerana, sekiranya pintu ijtihad terbuka luas tanpa mengambil kira kriteria sebagai mujtahid, maka aliran sesat seperti liberalisme, feminisme, gerakan LGBT dan anti hadis akan berkembang. Oleh itu, perkara ini akan menyebabkan nilai-nilai dan prinsip Islam yang sudah jelas menjadi kabur, bahkan musuh-musuh Islam akan memanfaatkan peluang ini untuk membuat kekeliruan dalam sistem Islam yang sudah lengkap dan relevan sepanjang masa (Norsaleha, Fadilah, & Noor Hafizah, 2018).

Penggunaan al-Quran dan al-sunnah sebagai sumber rujukan dalam memutuskan fatwa adalah merupakan aplikasi dari Metode *manhajī*. Walaupun metode ini telah dirasmikan, namun ia masih belum diaplikasikan sepenuhnya, di mana keputusan fatwa daripada penggunaan metode ini masih sedikit berbanding penggunaan metode *qawli*. Berikut adalah metodologi penghujahan hadis dalam fatwa NU:

4.1 Metode Tekstual

Metode ini digunakan apabila isi redaksi teks hadis sesuai dan tepat dengan permasalahan yang sedang dihadapi untuk menjawab persoalan umat. Metode ini dapat diertikan sebagai model pemahaman hadis yang melihat kepada kesesuaian isi dan makna tekstual yang terkandung dalam hadis (PBNU, 2005). Contoh penggunaan metode ini dapat dilihat pada masalah ke-19 dalam keputusan *baḥṡ al-masā'il* pada Mukhtamar NU yang pertama pada tahun 1926, tentang pahala bersedekah untuk arwah, adakah ianya dapat sampai kepadanya? NU memutuskan bahawa pahalanya sampai kepada arwah, berdasarkan sabda Rasulullah SAW sebagai berikut:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أُمَّهُ تُوفِّيَتْ أَيْنَعَهَا إِنْ تَصَدَّقْتُ عَنْهَا قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَإِنَّ لِي مِخْرَافًا وَأَشْهَدُكَ أَنِّي قَدْ تَصَدَّقْتُ عَنْهَا.

[Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Waṣāyā, bāb Idhā qāl Ardī aw Bustānī Ṣadaqa 'an Ummī fa Huwa Jā'iz, no. Hadis 2618]

Maksudnya:

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbās, sesungguhnya seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW, "Ya Rasulullah, sesungguhnya Ibuku telah wafat, adakah sedekahku bermanfaat untuknya?" Nabi menjawab: "Ya", ia berkata: "sesungguhnya aku mempunyai sebidang tanah, dan saksikanlah, aku sedekahkannya untuk ibuku".

4.2 Mendahulukan Pandangan Ulama berbanding Hadis Demi Kemaslahatan

Metode ini bermaksud mendahulukan pendapat ulama berbanding nas hadis disebabkan adanya pertimbangan maslahat untuk umat. Penggunaan metode ini dapat dilihat dalam keputusan *baḥṡ al-masā'il* dalam Mukhtamar NU ke-29 di Tasikmalaya pada 1-5 Disember 1994 tentang hukum melontar jamrah sebelum *zawāl* (tergelincir matahari) adalah sah bermula terbitnya fajar dan ia dibolehkan menurut imam al-Rāfi'ī serta disokong oleh Imam al-Asnawī (Zahro, 2004). Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut ini:

جَزَمَ الرَّافِعِيُّ وَتَبِعَهُ الْأَسْنَوِيُّ وَقَالَ أَنَّهُ الْمَعْرُوفُ بِجَوَازِ رَمْيِ كُلِّ يَوْمٍ قَبْلَ زَوَالِهِ وَعَلَيْهِ فَيَدْخُلُ بِالْفَجْرِ.

Maksudnya:

“Al-Rāfi‘ī menetapkan sebuah keputusan yang sudah masyhur dan diikuti oleh al-Asnawī bahawa melontar jamrah sebelum zawāl dibolehkan pada setiap harinya, sebagaimana juga dibolehkan sejak terbit fajar” (al-Haḍramī, 2004).

Walaupun pandangan tersebut dibolehkan dan dianggap sah dalam keputusan fatwa NU, tetapi ia dinilai lemah sebab bertentangan dengan redaksi beberapa teks hadis yang sahih, di antaranya hadis riwayat Ibn Abbas R.A:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- يَرْمِي الْجِمَارَ إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ

[Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Kitāb al-Ḥajj, Bāb al-Ramy ba’d Zawāl al-Shams*, no. Hadis: 898, hadis sahih].

Maksudnya:

“Rasulullah SAW melontar jamrah apabila matahari telah tergelincir”.

Dan hadis riwayat Jabir RA:

رَمَى رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- الْجَمْرَةَ يَوْمَ النَّحْرِ ضُحًى وَأَمَّا بَعْدُ فَإِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ.

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Ḥajj, Bāb fī Bayān Wakt Istihbāb al-Ramy*, no. Hadis: 3201]

Maksudnya:

“Rasulullah SAW melontar jamrah ketika hari nahr pada waktu Dhuha, adapun setelah itu, Baginda melontar jamrah setelah tergelincirnya matahari”.

Meskipun pendapat Imam al-Rāfi‘ī tidak selari dengan isi kandungan kedua-dua hadis di atas, namun fatwa NU lebih cenderung memilih pendapat Imam al-Rāfi‘ī dan ia dianggap layak dan dapat memberi maslahat yang lebih besar dan relevan bagi jemaah haji ketika hendak melakukan ibadat melontar jamrah kerana bilangan mereka sangat ramai serta terbatasnya tempat dan masa.

4.3 Menguatkan Hukum dengan Hadis

Maksud metode ini ialah menjadikan hadis sebagai hujah penguat bagi keputusan fatwa yang ditetapkan. Contoh aplikasi metode ini dapat dilihat dalam keputusan Mukhtamar NU ke-14 yang diadakan pada 15-21 Julai 1939. Di mana salah satu keputusannya ialah Pengurus Cabang NU yang sengaja tidak mematuhi keputusan Pengurus Besar NU (PBNU) adalah berdosa. Ini kerana PBNU merupakan *walī al-amr* dalam organisasi NU yang pelantikannya merupakan *bay‘at al-imāra* (PBNU. 2005). Landasan keputusan fatwa ini diambil dari kitab *al-Tuhfa* 9: 76:

وَتَعْقِدُ الْإِمَامَةُ بِطُرُقٍ أَحَدَهَا بِالْبَيْعَةِ كَمَا بَايَعَ الصَّحَابَةُ أَبَا بَكْرٍ -رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمْ-

Maksudnya:

“Imāmah (kepemimpinan) terbentuk melalui beberapa cara, salah satunya melalui bai‘ah (janji setia) sebagaimana yang dilakukan oleh para sahabat ketika berbai‘ah dengan Abū Bakar” (al-Haytamī, 1983).

Untuk menguatkan keputusan fatwa ini, LBM NU mengutip sebuah hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allāh bin ‘Umar RA, Rasulullah SAW bersabda:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ.

[Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Aḥkām, Bāb al-Samʿ wa al-Ṭāʿah li al-Imām mā lam takun Maʿsiya*, no. Hadis: 6725]

Maksudnya:

Seorang Muslim (wajib) patuh dan taat (kepada para pemimpin) terhadap apa yang dia suka ataupun yang dia benci selama tidak disuruh berbuat maksiat. Apabila disuruh berbuat maksiat, maka tidak boleh baginya untuk patuh dan taat.

4.4 Tidak Menyatakan Sumber dan Darjat Hadis

Hadis yang merupakan sumber utama hukum Islam setelah al-Quran telah dijadikan hujah yang menyokong fatwa yang diputuskan oleh NU. Hadis-hadis yang dikemukakan sebagai hujah tersebut sebahagiannya dinyatakan secara langsung daripada sumber hadis dan sebahagian besarnya secara tidak langsung kerana hadis tersebut terdapat dalam teks kitab yang dirujuk. Walau bagaimanapun, sumber hadis-hadis tersebut tidak dijelaskan secara lengkap sebagaimana yang sepatutnya ada sebagai rujukan ilmiah dalam disiplin *takhrīj* hadis yang meliputi nama kitab, nama bab dan nombor hadis. Beberapa hadis hanya menyebutkan nama *mukharrij*-nya seperti al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd dan sebagainya. Selain itu, martabat hadis juga tidak dinyatakan sehingga tidak dapat dipastikan adakah hadis-hadis yang dikemukakan sebagai dalil atau hujah fatwa ini dapat diterima atau ditolak. Kekurangan ini berlaku berkemungkinan disebabkan kerana NU tidak meletakkan kriteria tertentu yang seharusnya dipenuhi ketika berhujah dengan hadis Nabi SAW (PBN, 2005).

Di antara contoh hadis yang dikemukakan secara langsung dari sumber utama hadis ialah hadis yang digunakan sebagai hujah kepada masalah hukum jual beli *ʿīna* (jual beli barang yang berasal dari hutang kepada pemberi hutang). NU mengeluarkan fatwa bahawa hukum *bayʿ al-ʿīna* adalah sah, namun makruh *tanzīh* sebagaimana pendapat Imam Syafii dan ulama mazhabnya. Manakala Imam Abū Ḥanīfah, Imam Mālik dan Imam Aḥmad bin Ḥanbal tidak membolehkannya. Hujah bagi fatwa NU ini adalah berdasarkan kitab *al-Mizān al-Kubrā* 2: 70 dan kitab *al-Anwār* 2: 229. Kemudian NU berhujah dengan hadis Nabi SAW secara langsung sebagai berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا تَبَايَعْتُمْ بِالْعَيْنَةِ وَأَخَذْتُمْ أَذْنَابَ الْبَقَرِ وَرَضِيتُمْ بِالزَّرْعِ وَتَرَكْتُمُ الْجِهَادَ سَلَطَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ ذَلًا لَا يَنْزِعُهُ حَتَّى تَرْجِعُوا إِلَى دِينِكُمْ.

[Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd, Kitāb al-Buyʿ*, *Bāb fī al-Nahy ʿan al-ʿīna*, no. Hadis: 3462, hadis sahih]

Maksudnya:

Daripada Abū Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “jika kamu melakukan jual beli secara *ʿīna*, mengambil ekor lembu, redha dengan pertanian dan meninggalkan jihad, maka Allah SWT akan menimpakan kehinaan terhadap kamu yang tidak akan dicabutnya sehinggalah kamu kembali ke agama kamu”.

Dalam fatwa ini, NU berhujah dengan hadis secara langsung yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah RA. Hadis ini hanya dinyatakan *mukharrij*nya iaitu Imam Abū Dāwūd tanpa menyebutkan kualiti dan maklumat hadis ini secara lengkap dari segi nama kitab, bab dan no. hadis.

Manakala contoh hadis yang dikemukakan secara tidak langsung dari sumber utama hadis ialah hujah kepada persoalan puasa sunnah hari *ʿArafah* bagi kaum Muslimin yang tidak menunaikan ibadah haji; adakah harinya mengikut peristiwa wuquf atau mengikut kalendar hari *ʿArafah*? NU memutuskan fatwa bahawa puasa sunat *ʿArafah* yang dilakukan adalah mengikut hari *ʿArafah* pada 9 Zulhijjah yang ditetapkan mengikut kalendar negara setempat berdasarkan rukyah (PBN, 2005). Hujah bagi fatwa ini adalah berdasarkan kitab *Sharḥ al-Minhāj* karya Syekh Zakariyyā al-Anṣārī sebagaimana berikut:

يُسَنُّ صَوْمُ يَوْمِ عَرَفَةَ وَهُوَ تَاسِعُ ذِي الْحِجَّةِ لِغَيْرِ الْحَاجِّ لِخَيْرِ مُسْلِمٍ: يَوْمَ عَرَفَةَ يُكْفَرُ السَّنَةُ الَّذِي قَبْلَهُ وَالَّتِي بَعْدَهُ. (شرح المنهاج للشيخ زكريا الأنصاري ٣٤٧/٢).

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Ṣiyām, Bāb Istihāb Ṣiyām Thalāthat Ayyām min Kull Shahr*, no. Hadis: 2803]

Maksudnya:

Disunatkan berpuasa hari 'Arafah iaitu pada 9 Zulhijjah bagi selain Jemaah haji, sebagaimana yang terdapat dalam hadis riwayat Muslim: "(Puasa) hari 'Arafah menghapuskan (dosa) satu tahun sebelumnya dan satu tahun sesudahnya".

Dalam fatwa ini, NU berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, namun tidak secara langsung kerana hadis tersebut terdapat dalam kandungan teks kitab rujukan. Seperti sebelumnya, hadis ini hanya dinyatakan *mukharrij*-nya iaitu Imam Muslim tanpa menyebutkan maklumat hadis ini secara lengkap dan martabatnya. Walau bagaimanapun, hadis ini adalah sahih sebab diriwayatkan oleh perawi yang tidak diragukan lagi *kethiqahannya*.

5. Kekerapan Penghujahan Hadis dalam Keputusan *Baḥṡ al-Masā'il*

Sejak ditubuhkan organisasi Nahdatul Ulama pada 1926, sebanyak 33 kali Mukhtar NU kali diadakan dan beberapa kali Musyawarah Nasional (Munas) dan Konferensi Besar (Konbes). Setiap kali agenda besar ini diadakan, NU akan mengadakan forum *baḥṡ al-masā'il* yang dikelola oleh Lembaga *Baḥṡ al-Masā'il*. Dari masa ke semasa, aktiviti *baḥṡ al-masā'il* semakin teguh dari aspek metodologi istinbat hukum dan penghujahan hadis nabi (PBN, 2005). Walaupun NU menelusuri sistem bermazhab dan konsisten menjawab semua persoalan hukum dengan merujuk kepada kitab-kitab empat mazhab, terutamanya dari mazhab Syafii, namun bukan bermakna NU mengabaikan rujukan kepada al-Quran dan al-hadis sama sekali, bahkan NU tetap merujuk kepada keduanya dalam membuat keputusan *baḥṡ al-masā'il* (Zahro, 2004). Kekerapan penggunaan hadis dalam fatwa yang ditetapkan oleh NU dalam Mukhtar NU yang pertama hingga Mukhtar ke-33 dan beberapa Munas serta Kongres, dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 1. Kekerapan Penggunaan Hadis dalam Fatwa NU Tahun 1926-2015

BIL.	PROGRAM	TAHUN	JUMLAH MASALAH	JUMLAH HADIS	KETERANGAN
1	Mukhtar ke-1	1926	27	7	Hadis dalam Kitab
2	Mukhtar ke-2	1927	9	3	Hadis dalam Kitab
3	Mukhtar ke-3	1928	12	2	Hadis dalam Kitab
4	Mukhtar ke-4	1929	26	-	-
5	Mukhtar ke-5	1930	23	5	2 Hadis secara Langsung 3 Hadis dalam Kitab
6	Mukhtar ke-6	1931	11	-	-
7	Mukhtar ke-7	1932	11	-	-
8	Mukhtar ke-8	1933	15	2	1 Hadis secara Langsung 1 Hadis dalam Kitab
9	Mukhtar ke-9	1934	12	1	Hadis dalam Kitab
10	Mukhtar ke-10	1935	25	1	Hadis dalam Kitab
11	Mukhtar ke-11	1936	15	1	Hadis dalam Kitab
12	Mukhtar ke-12	1937	18	1	Hadis dalam Kitab
13	Mukhtar ke-13	1938	22	3	Hadis dalam Kitab
14	Mukhtar ke-14	1939	21	6	Hadis dalam Kitab
15	Mukhtar ke-15	1940	13	2	Hadis dalam Kitab
16	Mukhtar ke-16	1946	5	1	Hadis dalam Kitab
17	Mukhtar ke-20	1954	5	-	-
18	Konferensi Besar	1957	2	2	Hadis dalam Kitab
19	Konferensi Besar	1960	19	-	-
20	Konferensi Besar	1961	7	6	Hadis dalam Kitab
21	Munas	1961	1	1	Hadis dalam Kitab
22	Mukhtar ke-23	1962	6	2	Hadis dalam Kitab
23	Mukhtar ke-25	1971	9	1	Hadis dalam Kitab
24	Mukhtar ke-26	1979	6	4	Hadis dalam Kitab
25	Munas	1981	11	4	Hadis dalam Kitab
26	Munas	1983	6	1	Hadis dalam Kitab
27	Mukhtar ke-27	1984	16	2	Hadis dalam Kitab
28	Munas	1987	8	3	2 Hadis dalam Kitab 1 Hadis secara Langsung
29	Mukhtar ke-28	1989	23	6	Hadis dalam Kitab
30	Munas	1992	1	-	-
31	Mukhtar ke-29	1994	9 <i>Wāqī 'iyya</i> 3 <i>Mawḍū 'iyya</i>	11	Hadis dalam Kitab

32	Munas	1997	13 <i>Wāqī 'iyya</i> 4 <i>Mawḍū 'iyya</i>	18	7 Hadis dalam Kitab 11 Hadis secara Langsung
33	Muktamar ke-30	1999	10 <i>Wāqī 'iyya</i> 6 <i>Mawḍū 'iyya</i>	11	3 Hadis dalam Kitab 8 Hadis secara Langsung
34	Munas	2002	5 <i>Wāqī 'iyya</i> 4 <i>Mawḍū 'iyya</i>	8	Hadis dalam Kitab
35	Muktamar ke-31	2004	4 <i>Wāqī 'iyya</i> 3 <i>Mawḍū 'iyya</i>	8	Hadis secara Langsung
36	Munas - Julai	2006	5 <i>Wāqī 'iyya</i> 5 <i>Mawḍū 'iyya</i> 4 <i>Qānūniyya</i>	9	1 Hadis dalam Kitab 8 Hadis secara Langsung
37	Munas - Ogos	2006	5 <i>Wāqī 'iyya</i>	11	4 Hadis dalam Kitab 7 Hadis secara Langsung
38	Muktamar ke-32	2010	8 <i>Wāqī 'iyya</i> 6 <i>Mawḍū 'iyya</i> 10 <i>Qānūniyya</i>	30	23 Hadis dalam Kitab 7 Hadis secara Langsung
39	Muktamar ke-33	2015	7 <i>Wāqī 'iyya</i> 5 <i>Mawḍū 'iyya</i> 7 <i>Qānūniyya</i>	64	19 Hadis dalam Kitab 45 Hadis secara Langsung
Jumlah Keseluruhan			518 persoalan	237	139 Hadis dalam Kitab 98 Hadis secara Langsung

Sumber: *Ahkām al-Fuqahā'*: Solusi Problematika Aktual Hukum Islam, Keputusan Muktamar, Munas dan Konbes NU (1926 – 1999 M.); Keputusan Muktamar NU ke-32; dan Keputusan Muktamar NU ke-33.

Jadual di atas menunjukkan kekerapan penghujahan hadis dalam keputusan *baḥṡ al-masā'il* NU, di mana sebanyak 39 kali forum *baḥṡ al-masā'il* diadakan dalam pelbagai program, jumlah persoalan yang telah dibahaskan bermula tahun 1926 - 2015 ialah sebanyak 518 persoalan. Jumlah hadis yang dirujuk dalam keputusan fatwa adalah sebanyak 237 hadis. 139 hadis daripadanya merupakan hadis yang dinukilkan oleh ulama yang terdapat dalam kitab yang menjadi sumber rujukan fatwa. Manakala 98 hadis lagi adalah yang dirujuk secara langsung daripada kitab primer hadis. Sejak tahun 1926 hingga tahun 1992, persoalan yang dibincangkan hanyalah tertumpu kepada persoalan *wāqī 'iyyah* (aktual) sahaja. Kemudian pada tahun 1994-2004, selain persoalan aktual, NU menambah perbincangan tematik dan bermula tahun 2006-2015, NU menambah perbincangan mengenai persoalan undang-undang (*qānūniyyah*).

6. Hadis-Hadis Bermasalah dalam Keputusan *Baḥṡ al-Masā'il*

Fokus kajian ini ialah menganalisis kualiti hadis-hadis yang menjadi hujah dalam fatwa NU yang ditetapkan sejak tahun 1994-1999. Dalam masa lima tahun tersebut sebanyak dua kali Muktamar Nahdatul Ulama diadakan iaitu Muktamar ke-29 yang diadakan pada tanggal 4 Disember 1994 di Cipasung, Tasikmalaya, Jawa Barat dan Muktamar ke-30 yang diadakan pada tanggal 21-27 November 1999 di Pondok Pesantren Lirboyo, Kediri, Jawa Timur. Selain itu, terdapat juga satu kali Musyawarah Nasional diadakan iaitu pada 17-20 November 1997 di Pondok Pesantren Qamarul Huda, Bagu, Pringgarata, Lombok Tengah, Nusa Tenggara Barat. Terdapat empat puluh hadis yang dianalisis dalam kajian ini. Setelah menjalankan kajian, didapati bahawa kebanyakannya adalah hadis yang dapat dijadikan hujah iaitu hadis sahih dan hasan yang mencecah 32 hadis atau 79%, manakala lapan hadis yang lain didapati bermasalah sebagaimana berikut:

6.1 Hadis Pertama

مَنْ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا فَلْيُعَلِّمَهُ بِأَجْرِهِ.

Maksudnya:

“Barang siapa yang mengupah buruh, maka hendaklah ia memaklumkan kepadanya upahnya”.

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abū Ḥanīfah dalam *Musnad Abū Ḥanīfah Riwayat Abū Nu'aym* daripada Abū Ahmad al-Ghitrifi daripada Maḥmūd al-Wāsiṭi daripada Wahb bin Baqīyya daripada Khālid daripada Abū Ḥanīfa daripada Ḥammād daripada Ibrāhīm daripada Abū Sa'īd al-Khudrī daripada Abū Hurayra daripada Nabi SAW (Abū Nu'aym, 1994). Diriwayatkan juga oleh Ibn Abī Shayba dalam *Muṣannaf*-nya daripada Wāki' daripada Sufyān daripada Ḥammād (Ibn Abī Shayba, 2006). Dan Ibn Khuzayma dalam *Ṣaḥīḥ*-nya daripada 'Abd al-Razzāq daripada al-Thawrī daripada Ḥammād (Ibn Khuzayma, 2003). Semua perawi hadis ini adalah *thiqah* kecuali Ḥammād bin Sulaymān, menurut penilaian Ibn Ḥajr, beliau adalah *ṣādūq kathīr awhām*

dan dituduh sebagai *murji'ah* (Ibn Hajar, 1986). Ibrāhīm pula adalah perawi yang tidak pernah meriwayatkan hadis daripada sahabat secara langsung, jadi riwayat di atas adalah terputus dan menambah lagi kelemahan hadis ini (al-Mizzī, 1982).

Hadis di atas pada asalnya adalah hadis yang terdapat dalam kitab yang dijadikan rujukan fatwa iaitu kitab *Mawāhib al-Jalīl*. Ini bermakna, hadis ini tidak dirujuk secara langsung kepada sumber primer hadis. Hadis ini dijadikan hujah kepada fatwa mengenai upah pekerja syarikat pengelola tebu yang tidak jelas, sebab upahnya diambil dari hasil pekerjaan. Upahnya diambil dari hasil penjualan tebu yang dikelola oleh pekerja, maka akad tersebut adalah batil. Hadis ini dijadikan dalil kepada satu perkara hukum dan bukan berkenaan dengan *faḍā'il al-a'māl*. Dengan demikian penggunaan hadis ini sebagai hujah dalam fatwa ini adalah lemah. Walau bagaimanapun, fatwa ini disokong oleh pandangan para ulama dalam kitab *al-Anwār li A'māl al-Abrār*, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, dan *al-Sharḥ al-Kabīr* (PBN, 2005).

6.2 Hadis Kedua

مَا مِنْ ذَنْبٍ بَعْدَ الشَّرِّكَ أَكْثَرَ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ نُطْفَةٍ وَضَعَهَا رَجُلٌ فِي رَحِمٍ لَا يَحِلُّ لَهُ.

Maksudnya:

“Tiada dosa yang lebih besar selepas dosa syirik di sisi Allah melebihi dosa seseorang yang menaruh spermanya di dalam rahim yang tidak halal baginya”.

Hadis ini diriwayatkan oleh Ibn Abī al-Dunyā dan dinukil juga oleh Ibn Kathīr dalam tafsirnya (Ibn Kathīr, 1998), dan Ibn al-Jawzī dalam *Dhamm al-Hawā'* tanpa memberikan komentar mengenai darjat hadis ini (Ibn al-Jawzī, 1998). Ibn Abī al-Dunyā meriwayatkan hadis ini daripada 'Ammār bin Naṣr daripada Baqīyya daripada Abū Bakr bin 'Abd Allāh bin Abī Maryam daripada al-Haytham bin Mālik al-Ṭā'ī daripada Nabi SAW (Ibn Abī al-Dunyā, 1988). Setelah menganalisis sanadnya, didapati: pertama, hadis ini diriwayatkan secara *mursal* di mana al-Haytham (Ibn Hajar, 1986) adalah seorang *tābi'in* yang meriwayatkan secara langsung kepada Nabi SAW. Kedua, perawi Baqīyya bin al-Walīd, yang dinilai oleh Ibn Hajar al-Asqalanī sebagai perawi yang *ṣādūq*, *kathīr al-tadlīs* (jujur, banyak mentadlīs) (Ibn Hajar, 1986); dan Ketiga, perawi Abū Bakr bin 'Abd Allāh bin Abī Maryam adalah daif menurut Ibn Hajar (Ibn Hajar, 1986).

Hadis ini dirujuk oleh NU secara tidak langsung kepada sumber hadis primer sebagai hujah bagi fatwa NU dalam masalah meletakkan sperma (air benih) suami ke rahim perempuan lain (bukan isterinya) sebab pasangan suami isteri ini tidak dikurniakan zuriat kerana ada masalah pada rahim isteri. Apakah hukum tindakan tersebut? NU memutuskan bahawa perbuatan ini tidak sah dan hukumnya haram.

Hadis di atas, tidaklah dirujuk secara langsung kepada sumber primer hadis, tetapi kepada kitab *Tafsīr Ibn Kathīr*. Ibn Kathīr tidak menjelaskan sumber asal dan darjah hadis ini, NU juga tidak mengkaji dan tidak memberi komentar tentang status hadis ini. Memandangkan masalah ini adalah masalah hukum syariat (bukan *faḍā'il al-a'māl*) yang sepatutnya ber-*istidlāl* kepada hadis yang kuat atau yang diterima, maka hujah NU kepada hadis daif di atas adalah satu kekurangan atau kelemahan dalam berhujah. Hukum keharaman perkara di atas adalah benar, tetapi Lembaga *Baḥth al-Masā'il* NU perlu mendatangkan dalil yang lebih kuat.

6.3 Hadis Ketiga

مَلْعُونٌ مَنْ ضَارَّ مُسْلِمًا أَوْ غَيْرَهُ.

Maksudnya:

“Dilaknat orang yang memudaratkan seorang Muslim ataupun lainnya”.

Hadis dengan lafaz seperti di atas diriwayatkan oleh al-Bayhaqī daripada Ibn 'Abdān daripada Ahmad bin 'Ubayd daripada Muḥammad bin al-Faḍl daripada Muḥammad bin Abī Khalaf daripada Abū Tumayla daripada Abū Hamza al-Sukkarī daripada Jābir al-Ju'fī daripada 'Āmir daripada Masrūq daripada Abū Bakr daripada Rasulullah SAW (al-Bayhaqī, 2003). Diriwayatkan juga oleh al-Tirmidhī dari jalur Murra bin Sharāḥīl al-Hamdānī daripada Abū Bakr al-Siddīq dengan lafaz (al-Tirmidhī, 1975):

مَلْعُونٌ مَنْ ضَارَّ مُؤْمِنًا أَوْ مَكْرَبًا بِهِ.

Semua perawi hadis al-Bayhaqī adalah *thiqah* kecuali Jābir al-Ju‘fī. Ibn Ḥajr menilainya sebagai perawi yang daif dan termasuk pengikut Syiah (Ibn Ḥajr, 1986). Dalam sanad al-Tirmidhī, terdapat dua perawi yang lemah iaitu Abū Salmā al-Kindī (al-Dhahabī, 1995) dan Farqad al-Sabakhī (Ibn Ḥajr, 1986). Al-Tirmidhī menilai hadis sebagai hadis *gharīb* (al-Tirmidhī, 1975). ‘Abd al-Qādir al-Ḥanafī, pen-*taḥqīq* *Jāmi‘ al-Uṣūl* juga menilai hadis al-Tirmidhī ini sebagai hadis daif (al-Jazarī, 1972). Al-Albānī menyenaraikan keratan pertama daripada hadis ini dalam *Silsilat al-Ḍu‘afā’ wa al-Mawḍū‘a* (al-Albānī, 1992).

Dengan demikian, penggunaan hadis ini sebagai hujah, memiliki kelemahan dari sudut metodologi penghujahan hadis. Sedangkan terdapat hadis-hadis lain yang sahih yang patut dijadikan hujah penyokong kepada fatwa berkenaan.

6.4 Hadis Keempat

الْحَنَّةُ تَحْتَ أَفْدَامِ الْأُمَّهَاتِ.

Maksudnya:

“Syurga berada di bawah tapak kaki ibu”.

Hadis ini diriwayatkan al-Quḍā‘ī daripada Abū ‘Alī al-Ḥasan bin Khalaf al-Wāsiṭī daripada ‘Umar bin Aḥmad bin Shahīn daripada ‘Abd al-Wāḥid bin al-Muṭadī bi Allāh bin al-Wāthiq bi Allāh daripada ‘Alī bin Ibrāhīm al-Wāsiṭī daripada Manṣūr bin al-Muhājir daripada Abū al-Nadr al-Abār daripada Anas bin Mālik daripada Rasulullah SAW (al-Quḍā‘ī, 1986).

Menurut al-‘Ajlūnī dalam *Kashf al-Khafā’*, dalam sanad ini terdapat dua perawi yang tidak dikenal iaitu Manṣūr bin al-Muhājir dan Abū al-Nadr al-Abār sehingga hadis dinilai sebagai hadis daif (al-‘Ajlūnī, t.th.).

Mar‘ī bin Yūsuf al-Karamī menyenaraikan hadis ini dalam kitabnya, *al-Fawā'id al-Mawḍū'iyah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'iyah* dan mengutip perkataan Ibn Taymiyah: “saya tidak menemukan sanad bagi lafaz ini” (al-Karamī, t.th.). Al-‘Ajlūnī menilainya sebagai hadis *munkar* (al-‘Ajlūnī, t.th.). Syekh al-Albānī menyenaraikan hadis ini dalam *Da‘īf al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr wa Ziyādatuh* dan beliau menghukum hadis ini sebagai hadis daif (al-Albānī, t.th.). Meskipun lafaz di atas adalah hadis daif, tetapi baik dari segi maknanya, sebab terdapat hadis hasan yang berkaitan dengan hadis di atas yang sebaiknya dijadikan hujah oleh NU dalam persoalan ini, iaitu dengan lafaz sebagai berikut:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَدْتُ الْغَزْوَ وَجِئْتُكَ أَسْتَشِيرُكَ. فَقَالَ: " هَلْ لَكَ مِنْ أُمٍّ؟ " قَالَ: نَعَمْ. فَقَالَ: " الزَّمَمَهَا فَإِنَّ الْحَنَّةَ عِنْدَ رِجْلِهَا "

[Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, *Musnad Mu‘āwiyah bin Jāhima*, no. Hadis: 15538].

Maksudnya:

Wahai Rasulullah, aku hendak pergi berperang, maksud kedatanganku adalah untuk memohon pandanganmu, maka Baginda bertanya: “Adakah ibumu masih ada? Ia menjawab: ya, Rasulullah bersabda: “Sentiasalah kamu bersamanya (ibu), sebab syurga berada pada kakinya”.

6.5 Hadis Kelima

تَنَاجَوْا تَكْثُرُوا فَإِنِّي أَبَاهِي بِكُمْ الْأُمَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya:

“Menikahlah kamu dan perbanyaklah keturunan, sesungguhnya pada hari kiamat aku akan bangga menjadi umat yang terbesar dengan (ramainya keturunan) kamu”.

‘Abd al-Razzāq al-Ṣan‘ānī dalam *Muṣannaf*-nya meriwayatkan daripada Ibn Jurayj daripada Hishām bin Sa‘īd daripada Sa‘īd bin Abū Hilāl daripada Nabi SAW (al-Ṣan‘ānī, 1982). Dalam riwayat ini terdapat dua ‘illa (faktor yang melemahkan) iaitu yang pertama, Abū al-‘Ibād Hishām bin Sa‘īd al-Madanī al-Qurashī, menurut Ibn Ḥajr, beliau adalah *Ṣadūq lahu Awhām* dan dituduh pengikut Syiah (Ibn Ḥajr, 1986). Kedua, Sa‘īd bin Abū Hilāl meriwayatkan hadis ini secara *mursal*, beliau tidak pernah berjumpa dengan Nabi SAW (al-Mizzī, 1982) sehingga hadis ini dikira sebagai hadis daif.

‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Ḥusām al-Dīn al-Hindī al-Burhānfūrī menyenaraikan hadis ini dalam *Kanz al-Ummāl* dan memberikan komentar bahawa hadis ini adalah hadis *mursal* (al-Burhānfūrī, 1981). Jalāl al-Dīn menyenaraikan hadis ini dalam *al-Fatḥ al-Kabīr* dan mengatakan bahawa hadis Sa‘īd bin Abī Hilāl adalah *mursal* (al-Suyūṭī, 2003). Syekh al-Albānī menyenaraikan hadis ini dalam *Da‘īf Jāmi‘ al-Ṣaḡhīr* (al-Albānī, t.th.). Al-‘Ajlūnī menyenaraikan hadis *mursal* ini dalam *Kashf al-Khafā’* (Al-‘Ajlūnī, 2000).

Tiada kecacatan hadis ini dari segi makna, cuma lemah dari segi kehujahan jalan riwayat hadis ini secara khusus. Sedangkan terdapat hadith sahih lain yang boleh dijadikan hujah dalam permasalahan di atas. Tanpa menafikan jika dikatakan hadis ini boleh meningkat kepada status hasan berdasarkan *shawāhid* (jalan-jalan riwayat lain) yang menyokongnya.

6.6 Hadis Keenam

النَّاسُ سَوَاسِيَةٌ كَأَسْنَانِ الْمُشْطِ.

Maksudnya:

“Manusia itu sama dan setara bagaikan gigi sikat”.

Hadis di atas dengan lafaz yang sama, hanya didapati dalam kitab *Juz Mā Rawāh Abū al-Zubayr* dengan sanad yang amat lemah daripada ‘Abd Allāh bin Muḥammad daripada Muḥammad bin ‘Umāra bin Subayh daripada Sahl bin ‘Āmir al-Bajlī daripada Maymūn bin ‘Amr al-Baṣrī daripada Ibn al-Zubayr daripada Sahl bin Sa‘d daripada Rasulullah SAW (al-Aṣbahānī, t.th.). Dalam sanad di atas, terdapat perawi yang *majhūl* dan amat daif. Muḥammad bin ‘Umāra bin Subayh dan Maymūn bin ‘Amr al-Baṣrī adalah *majhūl al-ḥāl* (tidak diketahui keadaannya), Manakala Sahl bin ‘Āmir al-Bajlī adalah *da‘īf jiddan*. Menurut Ibn Ḥajr, Sahl bin ‘Āmir adalah *munkar al-Ḥadīth* dan menurut Abū Ḥātim, beliau adalah pendusta (Ibn Ḥajr, 1986).

Al-Quḍā‘ī juga meriwayatkan hadis ini daripada Hibat Allāh bin Ibrāhīm al-Khawlānī daripada ‘Alī bin al-Ḥusayn al-Adhanī daripada al-Ḥusayn bin Muḥammad bin Mawḍūd daripada al-Musayyab bin Wāḍiḥ daripada Sulaymān bin ‘Amr al-Nakha‘ī daripada Ishāq bin ‘Abd Allāh bin Abī Ṭalḥa daripada Anas bin Mālik daripada Rasulullah SAW dengan lafaz (Al-Quḍā‘ī, 1986):

النَّاسُ سَوَاءٌ كَأَسْنَانِ الْمُشْطِ

Dalam sanad al-Quḍā‘ī terdapat perawi yang amat lemah iaitu al-Musayyab bin Wāḍiḥ. Ibn Hibban, al-Dhahabī dan Ibn Ḥajr berkata bahawa beliau telah berbuat banyak kesalahan (*kān yukḥī ‘kathīran*) (Ibn Hibban, 1975; al-Dhahabī, 1995; Ibn Ḥajr, 1986).

Syekh al-Albānī menyenaraikan hadis ini dalam *Silsilat al-Aḥādīth al-Da‘īfa wa al-Mawḍū‘a* dan menilai hadis ini sebagai hadis *da‘īf jiddan* (al-Albānī, 1992). Al-Suyūṭī juga menyenaraikan hadis ini dalam *al-La‘ālī al-Maṣnū‘a fī al-Aḥādīth al-Mawḍū‘a* dan al-Shawqānī dalam kitab *al-Fawā‘id al-Majmū‘a fī al-Aḥādīth al-Mawḍū‘a* (al-Suyūṭī, t.th.; al-Shawqānī, 1986) dengan lafaz:

النَّاسُ سَوَاءٌ كَأَسْنَانِ الْمُشْطِ

6.7 Hadis Ketujuh

مَنْ أَدَى ذِمِّيًّا فَقَدْ أَذَانِي

Maksudnya:

“Barang siapa yang menyakiti orang dhimmi maka sungguh dia menyakiti aku”.

Lafaz hadis tidak dijumpai dalam mana-mana kitab hadis, sehingga beberapa ulama hadis di antaranya Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abū Bakr al-Ḥanbalī al-Dimashqī dalam *al-Manār al-Munīf* dan Abū Ḥafṣ ‘Umar bin Badr bin Sa‘īd al-Mūsīlī dalam *al-Mughnī ‘an al-Hifẓ wa al-Kitāb* mengatakan bahawa hadis ini *lā aṣl lah* (Muḥammad al-Ḥanbalī, 1982; ‘Umar al-Mūsīlī, 1986). Bahkan ada ulama yang menilainya sebagai hadis *mawḍū‘* di antaranya adalah Muḥammad bin Khalīl bin Ibrāhīm al-Ṭarābulṣī dalam *al-Lu‘lu‘ al-Marṣū‘* (al-Ṭarābulṣī, 1994). Al-Mullā ‘Alī al-Qārī dalam *al-Asrār al-Marfū‘a* berkata: ini adalah hadis *baṭīl* (Al-Mullā al-Qārī, 1971). Berdasarkan huraian di atas, maka penulis menilainya sebagai hadis *mawḍū‘*.

Hadis *mawḍūʿ* ini dijadikan hujah dalam fatwa NU yang dirujuk secara langsung kepada teks hadis (tanpa menyatakan sumbernya) dan bukan hadis yang terdapat daripada kitab rujukan fatwa NU. Hadis ini dirujuk dalam fatwa NU demi menjelaskan masalah tematik (*mawḍūʿiyya*) tentang prinsip-prinsip kewangan dalam Islam, di mana *hiḍḍ al-māl* adalah salah satu dari *maqāṣid sharʿiyya*. Hak perlindungan harta benda bukan hanya berlaku untuk orang Islam sahaja tetapi juga bagi orang bukan Islam yang dikategorikan sebagai kafir *dhimmī*. Namun, penghujahan dengan hadis *mawḍūʿ* ini adalah satu penghujahan yang sangat bermasalah yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan ahli *baḥṡ al-masāʾil* yang mewakili organisasi Islam yang terbesar yang telah menetapkan hadis sebagai sumber rujukan utama dalam fatwanya.

6.8 Hadis Kelapan

لَا تُسْعَرُوا فَإِنَّ اللَّهَ الْمُسَعِّرُ الْقَابِضُ الْبَاسِطُ

Maksudnya:

“Janganlah kalian menetapkan harga, sesungguhnya hanya Allah SWT Zat Yang Maha Menetapkan harga, Zat Yang Menggenggam, Yang Maha Melepas”.

Hadis dengan lafaz awal: “لَا تُسْعَرُوا” tidak dijumpai dalam mana-mana sumber hadis, Teks yang lengkap seperti tertulis di atas hanya terdapat dalam kitab rujukan fatwa NU iaitu kitab *al-Hidāyah Sharḥ al-Bidāyah*.

Teks hadis ini dijadikan hujah secara tidak langsung, di mana ianya merupakan hadis yang terdapat dari teks kitab rujukan fatwa. Hadis atau kitab ini dirujuk dalam fatwa mengenai hukum tindakan pemerintah yang ikut campur dalam menentukan upah buruh, maka kitab ini (*al-Hidāyah*) menyatakan bahawa pemerintah tidak boleh menetapkan harga bagi masyarakat kemudian mendatangkan dalil hadis ini. Memandangkan lafaz hadith yang dikutip daripada kitab ini tidak diketahui asalnya, maka tidak sepatutnya dijadikan sandaran dalam fatwa berkenaan.

7. Kesimpulan

Keputusan *baḥṡ al-masāʾil* yang diputuskan oleh NU dalam Mukhtamar pertama pada 1926 hingga tahun 1992 adalah lebih banyak menggunakan metode *qawli* dengan merujuk kepada pandangan ulama mazhab. Pada tahun 1992, dalam sebuah forum Musyawarah Nasional di Lampung, NU menetapkan perlunya merujuk kepada sumber utama hukum Islam, sebab banyak muncul persoalan-persoalan baru yang perlu dijawab dan diputuskan hukumnya, tetapi tidak dijumpai jawapannya oleh NU dalam kitab-kitab rujukan mukhtabar. Maka NU menetapkan metode baru yang dinamakan metode *manhajī*, iaitu mengikut manhaj ulama mazhab dalam istinbat hukum dengan berhujah kepada al-Quran, hadis, *ijmāʿ*, *qiyās* dan kaedah-kaedah fiqah. Bermula dari tahun 1994, NU sudah banyak menggunakan hadis sebagai hujah dalam fatwanya.

Terdapat empat puluh hadis yang dianalisis dalam kajian ini dan terdapat lapan daripadanya adalah hadis yang bermasalah. Satu hadis tidak diketahui sumbernya, satu *mawḍūʿ*, satu hadis *ḍaʿīf jiddan* dan lima hadis daif. Hadis *mawḍūʿ* iaitu hadis yang tidak diketahui sumbernya dan hadis *ḍaʿīf jiddan* tidak sepatutnya dijadikan hujah dalam sesebuah fatwa. Manakala hadis daif, tidak boleh juga dijadikan hujah dalam perkara hukum-hakam menurut Jumhur ulama. Meskipun demikian terdapat pandangan yang membolehkan penghujahan hadis daif sekiranya tiada ditemui sebarang hadis lain di dalam sesuatu bab.

Semoga kajian ini secara umum dapat menjadi pertimbangan bagi sesebuah institusi fatwa dan secara khususnya dalam kajian ini Lembaga *Baḥṡ al-Masāʾil* NU yang bertanggungjawab dalam bidang fatwa di Indonesia. Penulis berpandangan Lembaga *Baḥṡ al-Masāʾil* perlu lebih teliti dari segi penghujahan hadith yang digunakan dan memastikan hadith yang dijadikan hujah dalam fatwa mestilah hadith yang *maqbul*, di samping perlu memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam keputusan fatwa NU.

Rujukan

- Abū Dāwūd. S. A. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. Beirut: Dār al-Risāla al-ʿĀlamiyya.
 Abū Yūsuf. (1979). *al-Kharāj*. Beirut: Dār al-Maʾrifah.
 Abuddin Nata. (2005). *Tokoh-tokoh pembaharuan pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
 Aḥmad bin Ḥanbal. (2001). *Musnad Aḥmad bin Ḥanbal*. Beirut: Muʾassasat al-Risāla.

- Ahmad Zahro. (2001). *Lajnah Bahtsul Masail Nahdlatul Ulama 1926-1999 (Telaah kritis terhadap keputusan hukum Fiqih)*. Tesis PhD di UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Ahmad Zahro. (2004). *Tradisi intelektual NU: Lajnah Bahtsul Masa'il 1926-1999*. Yogyakarta, LKIS.
- Al-'Ajlūnī, I. M. (2000). *Kashf al-Khafā' wa Muzil al-Ilbās*, t.tp: al-Maktaba al-'Asriyya.
- Al-Albānī, M. N. (1992). *Silsilat al-Aḥādīth al-Ḍa'īfa wa al-Mawḍū'a wa Athruhā al-Sayyi' fī al-Umma*. Riyadh: Dār al-Ma'ārif.
- Al-Albānī, M. N. (t.th.). *Ḍa'īf al-Jāmi' al-Ṣaghīr wa Ziyādatuh*, t.tp: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Asbahānī, A. M. (t.th.). *al-Juz' fīh Aḥādīth Abū al-Zubayr 'an Ghayr Jābir*. Riyadh: Maktabat al-Rashīd.
- Al-Asbahānī, A. N. (1994). *Musnad al-Īmām Abū Hanīfa Riwāyat Abū Nu'aym*. Riyadh: Maktabat al-Kawthar.
- Al-Bayhaqī, A. H. (2003). *Shu'ab al-Īmān*. Riyadh: Maktabat al-Rashīd.
- Al-Bukhārī, M. I. (1987). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Cet. 3. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Burhānfūrī, A. H. (1981). *Kanz al-'Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-aq'āl*. Beirut: Mu'assasat al-Risāla.
- Al-Daw'anī, S. M. (2004). *Sharḥ al-Muqaddima al-Ḥaḍramiyya*, Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Al-Dhahabī, M. A. (1995). *Mīzān al-'Itidāl fī Naqd al-Rijāl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyya.
- Al-Ḥanbalī, M. A. (1982). *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa'īf*. Halab: Maktabat al-Maṭbū'a al-Islāmiyya.
- Al-Jarjānī, A. A. (1988). *al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Karamī, M. Y. (t.th.). *Fawā'id al-Mawḍū'iyya fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'a*. t.tp: Dār al-Warrāq.
- Al-Kūfī, I. A. S. (2006). *Muṣannaf Ibn Abī Shayba*. Jeddah: Dār al-Qibla.
- Al-Marghinānī, A. H. A. (1996). *al-Hidāya Sharḥ al-Bidāya*. Karachi: Idārat al-Qur'ān wa al-'Ulūm al-Islāmiyya.
- Al-Mizzī, A. H. Y. (1982). *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*. Beirut: Mu'assasat al-Risāla.
- Al-Mullā, A. M. (1971). *al-Asrār al-Marfū'a fī al-Akhbār al-Mawḍū'a*. Beirut: Mu'assasat al-Risāla.
- Al-Mūsīlī, U. B. (1986). *al-Mughnī 'an al-Ḥifẓ wa al-Kitāb*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Al-Quḍā'ī, M. S. (1986). *Musnad al-Shihāb*. Beirut: Mu'assasat al-Risāla.
- Al-Ṣan'ānī, A. R. H. (1982). *al-Muṣannaf*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Shawkanī, M. A. M. (1986). *al-Fawā'id al-Majmū'a fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'a*. Cet. 3. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Suyūfī, J. D. (2003). *al-Fath al-Kabīr fī Ḍamm al-Ziyāda ilā al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Suyūfī, J. D. (t.th.). *al-La'ālī al-Maṣnū'a fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'a*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyya.
- Al-Ṭarābulṣī, M. K. (1994). *al-Lu'lu' al-Marṣū' fī mā lā Aṣl Lah aw bi Aṣliḥ Mawḍū'*. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyya.
- Al-Ṭarābulṣī, M. M. A. (2003). *Mawāhib al-Jalīl li Sharḥ Mukhtaṣar al-Khalīl*. Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub.
- Al-Tirmidhī, M. I. (1975). *Sunan al-Tirmidhī*. Cet. 2. Kaherah: Maṭba'at Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī.
- Djohan E. (2010). *Pembaruan tanpa membongkar tradisi*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.
- Husein Muhammad. (2002). *Tradisi istinbath hukum NU: Sebuah kritik*. Ed. M. Imdadun. *Kritik Nalar Fiqih NU: Transformasi Paradigma Bahtsul Masa'il*. Jakarta: Lakpesdam, 36-46.
- Ibn Abī al-Dunyā. A. U. (1988). *al-Warā'*. Kuwait: al-Dār al-Salafiyya.
- Ibn al-Athīr, M. M. (1972). *Jāmi' al-Uṣūl fī Aḥādīth al-Rasūl*. Beirut: Maktabat al-Halwanī.
- Ibn al-Jawzī, A. A. (1998). *Dhamm al-Hawā'*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Ibn Ḥajr al-Haytamī. (1983). *Tuḥfat al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj*. Kaherah: al-Maktaba al-Tijāriyya al-Kubrā.
- Ibn Ḥajr. A. A. H. (1986). *Taqrīb al-Tahdhīb*. Beirut: Dār al-Rashīd.
- Ibn Kathīr, I. U. (1998). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyya.
- Ibn Khuzayma, M. I. (2003). *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzayma*. Cet. 3. t.tp.: al-Maktab al-Islāmī.
- Imam Yahya. (2002). *Akar sejarah Bahtsul Masa'il: Penjelajahan singkat*. Ed. M. Imdadun. *Kritik Nalar Fiqih NU: Transformasi Paradigma Bahtsul Masa'il*. Jakarta: Lakpesdam, 2-23.
- Latiful Khuluq. (2000). *Kebangunan ulama "Biografi KH. Hasyim Asy'ari"*. Yogyakarta: LKiS.
- Masykur Hasyim. (2002). *Merakit negeri berserakan*. Surabaya: Yayasan 95.
- Muslim. (t.th.). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Jayl dan Dār al-Āfāq al-Jadīda.
- Norsaleha, M. S., Fadilah, Z., & Noor Hafizah, M. (2018). *Historiografi liberalisme dalam kalangan masyarakat Barat. Al-Irsyad: Journal of Islamic And Contemporary Issues*, Vol. 3, No. 1. 67-79.
- PBNU. (2005). *Aḥkām al-Fuqahā'*: Solusi problematika aktual hukum keputusan Mukhtar, Munas dan Konbes Nahdlatul Ulama" (1926-1999). Surabaya: LTN NU Jawa Timur dan Diantama.
- PBNU. (2016). *Anggaran Dasar NU dalam Hasil-Hasil Mukhtar ke-33 NU*. Cet. 2. Jakarta: LTN NU.
- PBNU. (2016). *Hasil-hasil Mukhtar ke-33 NU*. Cet. 2. Jakarta: LTN NU.
- Sahal M. (1994). *Nuansa Fiqh sosial*. Yogyakarta: Lkis.